

NO. SOALAN: 11

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB DATO' SRI ABDUL MANAN BIN ISMAIL [PAYA BESAR]**

TARIKH : **31 JULAI 2017 [ISNIN]**

SOALAN :

Dato' Sri Abdul Manan Bin Ismail [Paya Besar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status rancangan Lembaga Tabung Haji untuk membina kompleks Tabung Haji di Makkah dan Madinah bagi memudahkan jemaah Malaysia berkumpul serta menunaikan ibadah haji dengan lebih selesa dan berapa jumlah pendaftar terkini bagi menunaikan ibadah haji mengikut negeri-negeri.

JAWAPAN : **(YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang Di-Pertua,

Pemajakan tempoh jangkamasa panjang tanah / bangunan di Madinah dan Makkah adalah bertujuan untuk dijadikan Kompleks Penginapan Jemaah Haji dari Malaysia. Ini adalah sebahagian daripada pelan strategik untuk Malaysia

memiliki sebuah kompleks bersepadu bagi menampung keperluan penginapan jemaah haji negara ini semasa berada di Madinah dan Makkah.

Inisiatif ini adalah sebagai langkah penyelesaian komprehensif kemudahan dan kawalan peningkatan kos sewaan demi kebajikan jemaah negara. **TH** akan dapat menyediakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan secara bersepadu untuk kebajikan dan keselesaan para jemaah negara. Lokasi kompleks bersesuaian dan dalam lingkungan 1,000 meter dari Masjidil Haram, Makkah dan berhampiran zon Markaziyah di Masjidil Nabawi, Madinah.

TH telah mengenalpasti beberapa projek pembangunan di Makkah yang berpotensi untuk dibangunkan kompleks penginapan jemaah haji Malaysia. Rundingan lanjut akan dimulakan dengan pihak pemaju untuk menilai feasibiliti cadangan pembangunan tersebut. **TH** juga telah mengenalpasti beberapa tapak tanah di Madinah bagi tujuan pembinaan kompleks penginapan jemaah haji Malaysia di Madinah.

TH akan terus mengadakan beberapa siri perbincangan bersama Kerajaan Arab Saudi dan pihak-pihak yang terlibat berkaitan perkara tersebut. Susulan dari masa ke masa akan dilakukan untuk memastikan cadangan pembangunan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya dan pembinaan kompleks-kompleks penginapan jemaah tersebut di Makkah dan Madinah dapat direalisasikan.

Mengenai jumlah pendaftaran terkini bagi menunaikan ibadah haji, dimaklumkan bahawa jumlah pendaftaran terkini sehingga 18 Julai 2017 bagi menunaikan ibadah haji mengikut negeri-negeri adalah seperti berikut:-

Negeri	Pendaftaran Haji	
	Jumlah	Peratusan (%)
Perlis	29,297	1.1
Kedah	245,568	10.0
Pulau Pinang	100,971	3.8
Perak	213,861	8.0
Selangor	556,050	20.8
Wilayah Persekutuan	192,740	7.2
Melaka	97,904	3.3
Negeri Sembilan	108,632	4.0
Johor	318,678	12.0
Pahang	166,903	6.2
Terengganu	219,234	8.2
Kelantan	245,669	9.2
Sabah	99,780	3.7
Sarawak	75,544	2.8
Jumlah	2,670,831	100

Sekian, terima kasih.